

**MINIT MESUARAT AGONG TAHUNAN KALI KEDUA BADAN PENGURUSAN BERSAMA APARTMENT
DAN KEDAI SEKSYEN 7 LESTARI PERDANA**

TARIKH : **25 JULAI 2010 (AHAD)**

MASA : **10.30 PAGI – 11.30 PAGI**

TEMPAT : **PEJABAT BADAN PENGURUSAN BERSAMA APARTMENT DAN KEDAI**

**SEKSYEN 7 LESTARI PERDANA, C-G-012, JALAN LP7/2, SEKSYEN 7 LESTARI
PERDANA. 43300 BANDAR PUTRA PERMAI, SELANGOR**

1.0 PENGENALAN

1.1 Juruacara majlis memulakan ucapan salam terima kasih di atas kehadiran semua pembeli unit apartment dan kedai seksyen 7 lestari perdana. Mesyuarat dimulakan lewat sedikit kerana menunggu kedatanga Ahli Majlis MPSJ tetapi beliau memaklumkan supaya meneruskan mesyuarat walaupun lewat hadir. Wakil dari Pesuruhjaya Bangunan juga memaklumkan tidak dapat hadir kerana telah menerima jemputan dari JMB di tempat lain.

2.0 UCAPAN PEMBUKAAN OLEH PENGERUSI

2.1 Encik Mohd Khazimi bin Ismail selaku pengerusi memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah selaras dengan kehendak Seksyen 9 Akta 663 dan tujuan utama adalah untuk menimbang Kumpulan Wang Penyelenggaraan Bangunan (KWPB) untuk menjalankan apa-apa urusan lain yang mungkin berbangkit serta membincangkan beberapa perkara seperti yang ditetapkan dalam aturcara mesyuarat. Sepanjang mesyuarat kali ini pembeli diminta supaya merujuk kepada buku program yang telah disediakan.

2.2 Pengerusi juga memaklumkan bahawa beliau menghadapi situasi sukar apabila kedudukan kewangan berada tahap yang paling rendah dan menyebabkan masalah yang diadu tidak dapat dilaksanakan dengan cepat. Sekarang ini untuk berusaha menyelesaikan tunggakan bil elektrik yang ketara.

3.0 AGENDA MESUARAT

3.1 Pengerusi memaklumkan 7 ahli jawatankuasa yang dilantik telah tidak dapat memberi komitmen kerana telah berpindah dan beliau telah tidak dapat beri komitmen kepada tugas dalam JMB. JMB hanya menjalankan tugas berdasarkan bilangan minimum ahli JMC iaitu 5 orang.

- 3.2 Puan Siti Radziah binti Mohd alip telah membentang minit mesyuarat penubuhan dan perkembangan terkini tentang Badan Pengurusan bersama akan diserahkan kepada pengerusi untuk dibentangkan.
- 3.3. Cik Zurina telah membentangkan laporan kewangan seperti yang telah dicatatkan dalam buku program. Perbelanjaan hanya tertumpu kepada membayar bil elektrik yang berjumlah RM 47020.16 untuk tahun 2009 dan RM 18149.06 setakat Jun 2010 , walau bagaimanapun tunggakan sebanyak RM 15945.67 akan dibayar pada tahun 2011. baik pulih kerosakan dan pendawaian lampu tangga RM 2268.00, baik pulih saluran kumbahan RM 1360.00 dan selebihnya adalah untuk sewa pejabat, gaji seorang kerani dan kerja-kerja pembersihan. Lain-lain kerja tidak dapat dilaksanakan kerana wang tidak mencukupi.
- 3.4. Dalam tempoh itu juga terdapat beberapa pencapaian telah dilaksanakan boleh dilihat dalam buku program yang diberi. Perkara yang akan dilaksanakan dan beberapa cadangan baru seperti yang telah dinyatakan akan dibincangkan secara terperinci dalam mesyuarat jawatankuasa. Itupun hanya dibuat sekiranya terdapat sumber kewangan. Mesyuarat juga dimaklumkan syarikat Nafas Baru telah menaja keseluruhan untuk membina dan menyiapkan pagar keselamatan sepanjang jalan LP 7/5.
- 3.5. Dalam mesyuarat kali ini tiada perkara utama dibincangkan kerana setelah mengambilkira kedudukan kewangan yang tidak stabil. Cadangan untuk mengambil tindakan pemotongan bekalan air bagi unit yang gagal membuat pembayaran bil penyelenggaraan tidak dipersetujui kerana melibatkan aspek perundungan dan sukar dilaksanakan. Bagi cadangan untuk mengkaji semula bil penyelenggaraan juga tidak dapat dilaksanakan kerana ia perlu kajian secara mendalam bagi mengelakkan implikasi kewangan dan protes oleh majoriti yang tidak hadir. Majoriti yang hadir berpandangan supaya hasrat untuk mengkaji bil penyelenggaraan dibuat setelah penghuni meningkat sekaligus memudahkan untuk membuat keputusan.
- 3.6 Pencalonan untuk pemilihan ahli JMC baru dibuat setelah menerima tiga pencalonan baru sekaligus melantik semua yang dicalonkan itu. Berikut adalah perubahan Ahli Jawatankuasa untuk sesi 2010/2011.

Pengerusi : Mohd Khazimi Bin Ismail

Setiausaha : Siti Radziah Binti Alip

Bendahari : Haji Md Nor Bin Jusoh

AJK : Mohammad Bin Ibrahim
Megat Hishamudin Bin Megat Othman
Fuziah Hanim Binti Sulaiman
Zawiah Binti Jusoh

4.0 HAL HAL LAIN

- 4.1 Terdapat cadangan untuk mewujudkan petak khas kepada pemilik kedai bagi memudahkan urusan keluar masuk barang. Badan Pengurusan Bersama diminta mengeluarkan garis panduan tempat letak kereta yang perlu dipatuhi oleh setiap penghuni. Mesyuarat bersetuju sediakan tempat letak kereta khas tetapi tertakluk kepada waktu siang sahaja.
- 4.2 En Mohd Khazimi memaklumkan akan menggunakan khudrat yang ada serta pengaruh untuk sedaya upaya menyelesaikan masalah pemaju, penyerahan saluran kumbahan kepada IWK, masalah tanah dan lain-lain lagi masalah berbangkit antara pihak-pihak berkaitan seperti pejabat tanah, MPSJ, KPKT, dan lain-lain yang berkaitan. Beliau juga memaklumkan kerja-kerja penyelenggaraan tidak akan mencapai sasaran sekiranya pembeli tidak membayar bil penyelenggaraan. Diharap semua pembeli sentiasa bertanggongjawab untuk menjelaskan bil penyelenggaraan. Mesyuarat juga memaklumkan akan mengambil tindakan undang-undang sebagai pilihan terakhir sekiranya kedudukan kewangan tidak dapat menampung perbelanjaan.
- 4.3 Akhir sekali mesyuarat juga dimaklumkan berhubung cadangan untuk memudahkan pembeli mengemukakan aduan dan cadangan kepada badan dengan menyediakan laman web di www.lestariperdana.webs.com, emel : lestariperdana@yahoo.com.my, No telefon 03-89430886, No Faks 03-89457497, dan juga boleh menghubungi terus ke pengurus di talian 012-3481979 bagi hal-hal berkaitan pengurusan dan penyelenggaraan.
- 4.4 Mesyuarat ditangguhkan jam 11.30 pagi

Disedaikan Oleh

Siti Radziah binti Alip
(Setiausaha)

Disahkan oleh

Mohd khazimi Bin Ismail
(Pengurus)